

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN :

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) jumlah permohonan mediasi yang dibuat ke Pusat Mediasi COVID-19 (PMC); dan
- b) berapa banyak daripada permohonan tersebut telah berjaya menurunkan kos sewa.

JAWAPAN**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2021, jumlah permohonan mediasi yang dibuat ke Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) adalah sebanyak 161 permohonan. Pecahan permohonan adalah seperti berikut:-

BIL.	FASA	BILANGAN	%
1	SELESAI	19	12%
2	PENGAGIHAN/PERINGKAT PENGANTARAAN	10	6%
	JUMLAH KES PENGANTARAAN	29	18%
3	PERMOHONAN BATAL/TARIK DIRI/TIDAK LENGKAP	132	82%
	JUMLAH KESELURUHAN	161	100%

2. Penyelesaian kes mediasi yang telah selesai bagi kategori pertikaian di bawah pajakan dan sewaan premis tak alih bukan kediaman adalah sebanyak tiga (3) kes. Walaubagaimanapun, PMC-19 tidak dapat memberikan maklumat lanjut berkaitan penurunan kos sewa memandangkan maklumat prosiding pengantaraan dan dokumen perjanjian penyelesaian adalah sulit di mana ia hanya diketahui oleh pihak-pihak bertikai dan pengantara bertugas sahaja.

3. Konsep perkhidmatan pengantaraan adalah bersifat sukarela di mana salah satu syarat permohonan pengantaraan di bawah PMC-19 ialah kedua-dua pihak perlu bersetuju untuk merujuk pertikaian ke PMC-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

(a) jumlah laporan dan anggaran terbaik kes keganasan rumah tangga yang telah berlaku di Subang dari Mac 2020 hingga September 2021; dan

(b) apakah peratusan peningkatan kes berbanding dengan tahun-tahun sebelum COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat mengambil berat dan prihatin terhadap mangsa keganasan rumah tangga. Oleh itu menerusi Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di kawasan Parlimen Subang sepanjang Mac 2020 hingga September 2021 ialah sebanyak **55 kes**.

Pada tahun **2019** Parlimen Subang mencatatkan **13 kes** keganasan rumah tangga manakala pada tahun **2020** sebanyak **37 kes** keganasan rumah tangga telah dilaporkan. Statistik perbandingan bagi Parlimen Subang bagi tahun 2019 dengan tahun 2020 mencatatkan peningkatan kes sebanyak 24 kes.

Bagi tempoh antara **Januari 2021 hingga September 2021** sebanyak **24 kes** telah dilaporkan berlaku di Parlimen Subang.

Sekian, terima kasih.